

24/10/1998

Ke arah kesejahteraan (HL)

KUALA LUMPUR, Jumaat - Belanjawan Negara 1999 yang dibentangkan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini, menggariskan lima strategi dengan memperkenalkan beberapa langkah baru mencergaskan ekonomi dan melindungi kesejahteraan rakyat daripada kesan ancaman krisis kewangan serantau.

Sambil meminta rakyat memahami setiap langkah yang terpaksa diambil kerajaan itu bagi mengukuhkan kedudukan kewangan, Perdana Menteri percaya kesediaan mereka berkorban dan menerima langkah yang diperkenalkan, membantu mempercepatkan pemulihan ekonomi.

Mengakui kemelesetan berlarutan boleh menjejaskan kesejahteraan rakyat khususnya mereka yang tidak berkemampuan dan kurang upaya, Perdana Menteri memberi jaminan kerajaan amat prihatin terhadap perkara itu.

Sehubungan itu, kerajaan akan memastikan peruntukan sewajarnya disediakan tahun depan dengan meneruskan bantuan kepada golongan terbabit.

"Langkah sewajarnya akan dipertingkatkan untuk membendung kenaikan harga barangan harian supaya rakyat tidak dibebankan dengan masalah ini.

"Kita harus bersyukur kerajaan masih dapat mengadakan segala keperluan rakyat dengan memastikan bidang penting seperti pendidikan, kesihatan, pembangunan desa dan bantuan kepada golongan miskin tidak diabaikan. Malah peruntukan kewangan bagi keperluan mereka ini ditambah," katanya yang juga Menteri Kewangan Pertama.

Belanjawan kali ini tidak menyaksikan sebarang kenaikan cukai yang boleh membebankan rakyat kecuali ke atas rokok, arak dan perjudian bagi mengekang mereka terbabit dalam amalan memudaratkan, berkuatkuasa serta merta.

Harga semua alat pendingin hawa, peti sejuk dan televisyen keluaran tempatan pula lebih murah mulai hari ini berikutan duti eksais ke atasnya dimansuhkan.

Beberapa insentif baru diperkenalkan termasuk pengecualian cukai pendapatan ke atas faedah unit amanah dan menggalakkan industri pelancongan negara termasuk menjadi satu hari Sabtu dalam sebulan sebagai hari cuti sektor awam. Bagaimanapun, bilangan jam berkerja bagi hari berkenaan diganti dengan bekerja lebih masa pada hari bekerja lain dan sektor swasta dialu-alukan untuk turut mengambil langkah sama.

Bagi menggalakkan syarikat perdagangan Malaysia terbabit aktif dalam perdagangan antarabangsa, pengecualian cukai pendapatan 70 peratus diperkenalkan untuk tempoh lima tahun.

Insentif lain termasuk pengecualian atas pendapatan sewa kapal Malaysia, cukai duti hiburan atas tiket kegiatan sukan, kebudayaan, kesenian, pameran dan pesta serta bagi penyenggaraan bot mewah dan kapal layar di Langkawi.

Dalam usaha kerajaan mewujudkan usahawan kelas menengah Bumiputera, beberapa skim pembiayaan modal teroka dan bantuan modal dilaksanakan.

Membentangkan belanjawan defisit RM16.635 bilion itu, yang pertama dalam masa lebih 10 tahun, Dr Mahathir yakin ekonomi Malaysia akan dipulihkan menerusi langkah menggalakkan pertumbuhan, mencergaskan kegiatan perniagaan dan mempertingkatkan tahap pengurusan sektor awam dan swasta.

"Insya-Allah jika kita berdisiplin, tertib dan bekerja keras, ekonomi kita akan pulih semula pada 1999. Kita jangka ia akan tumbuh satu peratus," katanya.

Beliau berkata, strategi Belanjawan 1999 ditumpukan kepada mencergaskan aktiviti ekonomi serta melindungi ekonomi dari kesan jangkitan krisis

kewangan serantau untuk menstabilkan sistem pasaran kewangan dan nilai ringgit; memperkukuhkan ketahanan dan daya saing ekonomi negara; menyusun semula sektor kewangan dan mempertingkatkan tahap pengurusan sektor awam dan swasta; mengukuhkan lagi kedudukan imbalan pembayaran; dan menjamin kesejahteraan rakyat.

Menurut Perdana Menteri, sejumlah RM65.095 bilion ringgit diperuntukkan bagi 1999, berkurangan 9.3 peratus berbanding 1998 dengan hasil dijangka merosot 14.3 peratus kepada RM47.160 bilion. Daripada jumlah peruntukan itu, RM47.042 bilion adalah bagi perbelanjaan mengurus dan RM18.053 bilion untuk perbelanjaan pembangunan.

Belanjawan 1998 berjumlah RM64.124 bilion dengan RM45.633 bilion bagi perbelanjaan pengurusan dan RM18.491 bilion untuk pembangunan.

Dr Mahathir berkata, RM4.042 bilion diperuntukkan untuk projek prasarana, RM13.5 bilion untuk kecemerlangan pendidikan, RM4.51 bilion bagi perkhidmatan perubatan dan kesihatan rakyat dan RM8.73 bilion bagi untuk keselamatan dan pertahanan meliputi polis angkatan tentera, penjara serta imigresen.

Dalam ucapan selama dua jam itu, Dr Mahathir berkata sungguhpun krisis ekonomi sudah berlarutan selama hampir 16 bulan, belum ada tanda-tanda ke arah kestabilan.

Menghargai sokongan berterusan rakyat kepada kerajaan walaupun negara dimiskinkan oleh tindakan spekulator, Perdana Menteri mahu semua pihak mempunyai keyakinan tinggi, kekuatan berdikari dan mempertahankan kedudukan bagi meneruskan perjuangan merangsang semula pertumbuhan.

"Saya juga juga merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada kesatuan sekerja kerana memahami yang negara mengalami masalah ekonomi dan tidak menuntut kenaikan gaji," katanya.

Tidak seperti Belanjawan 1997 dan 1998, tiada bonus sebulan diberikan kepada kakitangan awam kali ini.

Perdana Menteri berkata, untuk merangsang pertumbuhan ekonomi negara, kakitangan perkhidmatan awam perlu bekerja dengan lebih tekun lagi.

"Sikap "business friendly" dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab dapat membantu menyegerakan pelaksanaan projek dan menghindar masalah kareh birokrasi yang tidak menguntungkan sesiapa," katanya sambil menyatakan penghargaan tinggi sumbangan sektor awam yang sentiasa memberi sokongan tidak berbelah bahagi melaksanakan keputusan dan dasar Kerajaan.

Belanjawan 1999 juga tidak menyaksikan kenaikan cukai pendapatan individu sebaliknya langkah memperkemaskan sistem pentadbiran cukai negara diperkenalkan. Taksiran cukai berasaskan tahun sebelum, dipinda kepada sistem cukai berasaskan tahun semasa bermula tahun 2000 dan dengan itu pendapatan pada 1999 tidak dikenakan cukai.

Perdana Menteri juga mengumumkan beberapa langkah lain merangsang aktiviti perniagaan termasuk mengecualikan duti stem suratcara bagi pembiayaan semula pinjaman untuk tujuan perniagaan. Kemudahan ini membolehkan kos untuk menjalankan perniagaan dikurangkan.

(END)